

Kepimpinan Wanita dalam Sejarah Gerakan Sosial di Malaysia (1900-2020)

Women's Leadership in The Historical Narrative of Social Movements in Malaysia (1900-2020)

NORAISAH YUSOP & KARTINI ABOO TALIB @ KHALID

ABSTRAK

Sejarah tidak bergerak linear dan ini membuka ruang untuk menggugat wacana sekaligus dinamika kekuasaan dan hubungan antara lelaki dan wanita dalam hierarki yang berlangsung. Oleh itu, tulisan ini mengambil pendekatan gender dengan fokus khusus pada pendekatan keseliratan kepimpinan (Leadership Labyrinth) Eagly dan Carli bagi mengupas cabaran penyertaan dan kepimpinan wanita dalam ruang awam ini. Latar sejarah ini ditelusuri seawal abad ke-2 sehingga abad ke-21 dibahagikan mengikut fasa-fasa berdasarkan peristiwa penting dengan memberi perhatian terhadap kepimpinan, penyertaan dan pengaruh wanita. Di sini persoalan yang wajar difikirkan bersama iaitu bagaimana wanita dengan cabaran yang berbeza bukan sahaja menjadi objek pembangunan malah memilih wahana dan wacana yang beragam bagi menunjukkan keseliratan itu sendiri tidak bersifat tunggal. Wanita didapati menunjukkan kemampuan kepimpinan mereka sebagai pemimpin kerajaan-kerajaan terawal yang perlahan-lahan peranan ini disempitkan sebagai penyokong gerakan dan ibu rumah tangga. Wanita kemudiannya memimpin organisasi memperjuangkan hak untuk dilayan setara dan suara mereka dilibatkan dalam pembuatan keputusan di peringkat individu dan institusi serta dalam keluarga dan kerajaan. Dengan mengguna pakai pendekatan ini dan metodologi kajian yang bersesuaian dengan tujuan kajian, tulisan ini berupaya menunjukkan bahawa dimensi yang sering dikesampingkan dan dianggap penghalang kemajuan wanita boleh menjadi pendukung wanita dalam meningkatkan kedudukan kepimpinan mereka dalam masyarakat. Wanita dilihat menggunakan tulisan selain kekerasan dan melalui ruang domestik selain ruang awam, ringkasnya wanita Menyusun strategi menggunakan kapasiti dan ruang yang dikuasai oleh mereka untuk memperjuangkan hak dan kepercayaan mereka. Variasi yang terhasil daripada pendekatan yang dipakai menunjukkan kemewahan sejarah ranah ini dalam menawarkan kerangka alternatif dalam mengkaji kepimpinan wanita.

Kata kunci: Keseliratan Kepimpinan, Kepimpinan Gender, Matrilineal, Multietnik Malaysia

ABSTRACT

History does not progress linearly, opening space to question discourses and power dynamics in the hierarchy between men and women simultaneously. Therefore, this paper adopts a gender approach with a specific focus on the Leadership Labyrinth coined by Eagly and Carli to dissect the challenges of women's participation and leadership in the public sphere. The historical background is traced from the 2nd century to the 21st century, divided into phases based on significant events, with attention to leadership, participation, and influence of women. Here, a pertinent question arises: how do women, facing diverse challenges, not only become subjects of development but also choose diverse platforms and discourses to demonstrate that their parity is not singular? Women are found to exhibit their leadership abilities as early rulers, gradually constricted to supporters of movements and homemakers. Subsequently, women successfully lead organizations, advocating for equal treatment, and their voices are included in decision-making at decision making levels. By employing the approach and a research methodology aligned with the study's objectives, this paper aims to demonstrate that often-overlooked dimensions and perceived obstacles to women's progress can be supportive factors in enhancing their leadership positions in society. Women are seen strategizing through non-violent means and utilizing domestic spaces, in addition to public spaces. In essence, women strategically organize using capacities and spaces under their control to advocate for their rights and beliefs. The variations resulting from the applied approach showcase the richness of this historical domain in offering an alternative framework for examining women's leadership.

Key word: Labyrinth leadership, Gender leadership, matrilineal, Multiethnic Malaysia

PENGENALAN

Wanita menunjukkan penyertaan aktif dan pelbagai bentuk kepimpinan melalui wadah, wahana dan wacana yang bersesuaian dengan zamannya. Keupayaan, kuasa dan kepimpinan yang berbeza membolehkan mereka memikirkan cara dalam menyuarakan ketidakpuasan hati. Wanita diiktiraf kedudukannya dan kepimpinannya dalam budaya, agama dan politik dengan jelas di Nusantara (G. Coedes 1966; Majumdar 1953; Reid 2005; Noraisah 2013). Kepimpinan terdahulu dan penyertaan wanita yang tinggi di ruang awam tidak selamanya menjamin mereka mencapai kedudukan dan peluang yang setara disebabkan dominasi lelaki, budaya patriarki, stereotaip gender, kekangan kerja-keluarga dan kekurangan sokongan dasar kerajaan. Pada abad-abad terawal, wanita bukan sahaja memimpin kerajaan besar tetapi juga membawa perubahan dalam sistem politik, ekonomi perdagangan dan budaya masyarakatnya. Kedatangan Islam, Penjajahan British dan Jepun, perjuangan mencapai kemerdekaan bagaimanapun meninggalkan kesan berbeza terhadap peranan, kedudukan dan status wanita dan hubungan antara lelaki dan wanita yang tidak seimbang. Dalam setiap zaman dan gerakan sosial di Malaysia yang diterangkan lebih lanjut nanti memperlihatkan bagaimana masyarakat memperlakukan wanita melalui tanggapan budaya yang tempang, tafsiran agama yang bias gender, peranan stereotaip dan sisi patriarki yang menyempitkan pergerakan dan kemampuan wanita. Walaupun wanita di ranah ini telah menunjukkan kepimpinan sejak awal tetapi peranan wanita yang keterbelakang sebagai kesan penjajahan menyebabkan wanita memerlukan gerakan sosial baru yang memperjuangkan nasib, suara dan hak wanita untuk dilayan sebagai individu yang setara seperti dijamin dalam hak asasi manusia.

Teori keseliratan kepimpinan (*Leadership Labyrinth*) Eagly dan Carli (2007) yang digunakan mampu mengiktiraf kerumitan cabaran-cabaran yang dihadapi golongan wanita jika dibandingkan dengan kerangka teori lain dan disesuaikan dengan sejarah dan kedinamikan masyarakat Malaysia. Maka, kajian ini mencadangkan penggunaan kerangka Keseliratan Kepimpinan oleh Eagly dan Carli (2007) dalam memahami cabaran yang dihadapi oleh wanita sepanjang hidup mereka terutamanya dalam perjalanan kerjaya dan penyertaan aktif dalam ruang awam. Di samping bersifat kritis ke atas teori yang berdasarkan budaya Amerika Syarikat

di mana terdapat diskriminasi berasaskan warna kulit dan meminggirkan wacana minoriti (Eagly & Chin, 2010), dengan menggunakan konsep yang sesuai seperti keseliratan kepimpinan, kepelbagaian budaya dan latar belakang masyarakat Malaysia tidak diketepikan dalam kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif yang sangat penting dalam menentukan cara kajian itu dilakukan. Pemilihan kaedah penyelidikan didasarkan pada latar belakang kajian agar dapat menjawab permasalahan seperti diajukan dalam bahagian pengenalan. Metodologi kajian merujuk kepada prosedur untuk melaksanakan penyelidikan yang merangkumi kaedah pengumpulan dan analisis data yang terperinci (Creswell 1999; 2009). Pemilihan kaedah penyelidikan menghuraikan kaedah yang dirasakan bersesuaian dan teknik analisis data juga adalah berdasarkan isu yang ingin dikaji. Kaedah analisa yang biasa digunakan dalam kajian kualitatif adalah analisa tema dan analisa kandungan (Creswell, 2009; Vaismoradi et al 2013) yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini menganalisis dua sumber data iaitu primer dan sekunder yang didapatkan daripada teks dan konteks sejarah.

Kajian ini melihat pengalaman, realiti dan makna yang dialami oleh individu dipengaruhi oleh persekitaran, norma, budaya, dan sosio-ekonomi serta latar sejarahnya (Allen, 2017). Perspektif ini selari dengan teori keseliratan kepimpinan (*Leadership Labyrinth*) oleh Eagly dan Carli (2007) yang melihat kualiti kepimpinan wanita itu dibentuk oleh persekitarannya yang menjadikannya sentiasa dinamik sebagaimana yang dijelaskan oleh Allen (2017) bahawa pengetahuan dari proses komunal dikonstruksi menghasilkan pengetahuan yang bersifat dinamik, berterusan dan dikongsi semua masyarakat. Eagly dan Carli mencadangkan bahawa setiap wanita mengalami halangan kepimpinan secara berbeza dan bertindak balas secara berbeza. Di sinilah letaknya kepentingan menerapkan perspektif yang dapat mencerap multi realiti dan multi interpretasi ini. Maka ini membolehkan analisis yang kritikal terhadap kesesuaian teori yang dipilih dalam menjelaskan realiti sosial subjek kajian dan seterusnya memungkinkan untuk pengkaji mencadangkan penerimaan, penolakan mahupun variasi terhadap teori yang dipilih berdasarkan dapatan kajian (Lykke 2010; Vaismoradi et al 2013). Ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah

kualitatif dianalisis mengikut tema teori keseliratan kepimpinan Eagly dan Carli.

WANITA DAN KEPIMPINAN PADA ZAMAN PRA-PENJAJAHAN DAN PENJAJAHAN

Kepimpinan wanita dalam alam Melayu merupakan suatu yang sangat menarik untuk dilihat kerana keturunan yang berasaskan nasab ibu telah ada seawal abad ke-2. Nasab ibu ini dilihat melalui peranan Ratu Soma (Majumdar 1953: x) yang merupakan pemimpin wanita terawal yang pernah ditemukan. Terdapat juga kepimpinan oleh tiga raja perempuan di Sambhupura, garis keturunan yang bermula sekurang-kurangnya pada 740M hingga raja perempuan terakhir ditabalkan pada 803M. Semua ini telah menunjukkan hubungan penting melalui perempuan. Masyarakat Khasi dan Ghaso misalnya merupakan contoh masyarakat matrilineal yang mempunyai keistimewaan pewarisan harta mengikut garis wanita yang secara langsung meningkatkan status wanita.

Pada abad ke-3 hingga abad ke-8, sistem patrilineal dan matrilineal saling bersilih ganti dan kepimpinan lelaki dan wanita jelas menunjukkan pertarungan simbolik dan cara pemerintahan yang berbeza. Dalam Kerajaan Funan abad ke-4, kepimpinan wanita melalui sistem matrilineal mempunyai elemen '*female goddess-ruler*' yang jelas dalam peranan raja. Pada abad seterusnya, abad ke-6, ditegakkan Lingga sebagai lambang kekuasaan dan maskulin. Hubungan bilateral sudah ada dalam struktur sosial masyarakat Kemboja (pra-Angkor dan zaman diraja Angkor) dan kerajaan Funan. Keturunan berasaskan matrilineal dilihat ketara dan penting dalam genealogi pra-Angkor manakala patrilineal dan matrilineal dilihat selari dalam genealogi diraja Angkor kemudiannya. Menurut Vickery (1998: 177), walaupun kedudukan dan pemahaman tentang peranan gender sering disalahertikan yang memberi kesan kepada kedudukan tinggi wanita sering diketepikan, wanita didapati menduduki status yang tertinggi semasa pemerintahan kerajaan-kerajaan ini. Status wanita dipandang tinggi sehingga boleh menjadi pemimpin dan pewaris harta pusaka keluarga.

Dalam beberapa contoh, persamaan antara pemimpin lelaki dan wanita adalah kedua-duanya mendapatkan kekuasaan melalui keturunan. Sebagai contohnya, pemerintahan oleh Ratu Jayadevi pada 713 di Angkor dianggap satu-satunya Ratu absah dalam sejarah Khmer yang mewarisi

takhta selepas kematian suaminya, Nrpadya; pemerintah Majapahit Kusumavardhani (Prabu Stri Bhra lasem-san-Ahayu) pada 1389 menggantikan ayahnya iaitu Raja Hayam Wuruk dan Ratu Suhita pada tahun 1429 menggantikan ayahnya, Raja Vikramavardhanavijaya. Ini, Representasi wanita dalam masyarakat Jawa kuno abad ke-11 hingga abad ke-15 sama seperti abad-awal terawal, wanita diberi peranan khas dan tidak dihadkan hanya dalam ruang domestik sahaja.

Selain kepimpinan dan kekuasaan melalui nasab keturunan dan pewarisan takhta, wanita juga menunjukkan kepimpinan melalui perdagangan dan keagamaan. Kerajaan Angkor mempunyai hubungan perdagangan dengan raja perempuan Patani berbanding lelaki yang bergantung pada harta warisan. Keadaan ini memaksa lelaki untuk mendominasi dan aktif dalam hubungan perdagangan sebagai simbolik status politiknya. Dalam bidang keagamaan atau kepercayaan, wanita mempunyai status terhormat dan peranan sendiri dalam upacara yang dijalankan antaranya melakukan peranan paling asas dalam upacara tokong (*devadāsī*), pencatat laporan (*scribal*), penasihat kepada pemerintah dan pengurus tokong yang berstatus tinggi (*yajamāna*) pada pemerintahan Jayavarman I.

Selain kepimpinan wanita dalam kerajaan terawal, adalah penting untuk turut menyebut beberapa kepimpinan wanita yang memerintah berpuluh tahun seperti Ratu Kalinyamat merupakan tokoh wanita penting pada abad ke-16. Pengaruh yang dibawa "Ratu", "wanita" juga mampu menentukan jalan hidup seorang pemimpin misalnya ketika zaman Singhasari (Ken Arok-Ken Dedes), zaman Majapahit (Hayam Wuruk-Diah Pitaloka), zaman Pajang (Hadiwijaya-Ratu Kalimanyat) dan zaman Mataram Islam. Begitu juga masyarakat Melayu Abad ke-14 hingga Abad ke-16, Kerajaan Pasai menyaksikan Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara didapati berani keluar dari istana yang dapat dilambangkan sebagai ruang domestik yang mengongkong wanita malah pengaruh Tun Fatimah dalam Kerajaan Melayu Melaka juga amat jelas dalam mempengaruhi keputusan Sultan dan menentukan kepimpinan kerajaan Melaka (Ruzy Suliza Hashim 1996; Noraisah 2013).

Juga terdapat pemimpin wanita yang membawa perubahan signifikan terhadap masyarakat yang ditadbirnya iaitu pemerintahan Aceh menurut *Suma Oriental* (1967) dan Reid (2005: 107), pemerintahan yang bertukar kepada kepimpinan wanita telah mengubah struktur pemerintahan menjadi lebih

baik melalui ‘*three sagi of Aceh Besar*’ iaitu elemen paling penting dalam struktur politik pada abad 18 dan 19 telah diperkenalkan Di bawah pemerintahan Sultanah Shafiatuddin Tajul Alam, wanita dilibatkan dalam Perwakilan Rakyat untuk mewakili mukim masing-masing sehingga. Kerajaan Aceh digelar ‘Serambi Mekah’ sehingga pemerintahan Sultanah ke-3, datang utusan Sharif dari Mekah yang melihat pemerintahan Raja Perempuan baik, soleh dan banyak ulamannya didapati tidak membantah penglibatan wanita dalam politik sebagai raja dan wakil rakyat. Keadaan ini dikuatkan dalam *hadith Maja* iaitu falsafah hidup bagi rakyat dan Kerajaan Aceh Darussalam mengandungi baris; *Kanun bak Putroe Phang* yang bermakna hak membuat undang-undang di tangan Puteri Pahang yang melambangkan rakyat (A. Hasjmy. 1977: 40-41) menunjukkan peranan demokratik daripada wanita, serta pengaruhnya pada rakyat dan negara.

Pada hujung abad ke-19, Riau menjadi pusat budaya, sastera dan bahasa Melayu yang hebat. Perbincangan tentang gender dan seksualiti dalam sastera Melayu dan telah muncul banyak pengarang feminis wanita (Ding 1999). Wanita didapati sentiasa menjadikan tulisan atau autobiografi sebagai alat untuk mengaktualisasikan kepimpinan mereka dari Raja Aishah Raja Haji Sulaiman hingga ke Aishah Ghani. Di Asia Tenggara, sesetengah masyarakatnya mengamalkan hubungan bilateral, seperti matrilineal Champa, adat perpatih Minangkabau (Hermayulis. 2008), tradisi Bali dan patriarki Batak (Wazir Jahan, 1992) serta budaya Jawa (Siti Kusujarti, 2006). Malah, sistem kekerabatan matrilineal dalam Minangkabau yang masih ada, ialah warisan daripada kerajaan Melayu lama. Adat dan tradisi menunjukkan kepimpinan wanita dalam ruangnya sama ada domain domestik maupun wilayah jajahan. Masyarakat Tanah Melayu unik dengan kepelbagaian sub-budaya hasil kerencaman budaya, evolusi perkembangan agama di Nusantara – Alam Melayu telah lama mengiktiraf keberadaan wanita sebagai pemimpin. Masyarakat yang ada kini merupakan acuan kesan sejarah, pengaruh perdagangan dan keagamaan dan pengalaman penjajahan.

WANITA DAN KEPIMPINAN PADA ERA KEBANGKITAN NASIONALISME

Kesedaran politik di Tanah Melayu bermula antara 1876-1941, tidak kurang 147 akhbar tempatan diterbitkan di negeri Melayu dan negeri selat seperti

Jawi Peranakan, Tanjung Pengeri, Seri Perak, Jajahan Melayu, Jambangan Warta dan yang paling penting sekali *Al-Imam* (Rustam Sani 2008:3). Perkembangan pada masa ini banyak dipengaruhi Gerakan Pan-Islamisme – gerakan politik oleh Jamaludin al-Afghani (1838-1897) yang menentang dominasi penjajahan di tanah Islam. Kesedaran politik Melayu memuncak ketika pendudukan Jepun (Julian 2010; Rustam Sani 2008; Mohamad Isa Othman 1992).

Memasuki tahun 1900, wanita dilihat memilih wahana yang berbeza dengan menggunakan wacana sebagai senjata dalam menyuarakan kehendaknya dan keadaan yang menghimpit wanita dalam masyarakatnya, contohnya seperti Raja Aishah Raja Haji Sulaiman (1870-?) dan Raden Adjeng Kartini (1879-1904). Walaupun, tokoh-tokoh ini bertindak bukan dalam bentuk gerakan atau organisasi sosial, ia merupakan satu tindakan politik yang mempengaruhi masyarakat yang lebih besar. Wanita didapati mampu membuat keputusan dan memilih ruang yang sesuai dengan kapasitinya dan menyesuaikan tindakannya selari dengan perubahan struktur masyarakat. Ruang ini boleh jadi ruang peribadi atau ruang awam – yang kedua itu kemudiannya merupakan bentuk yang dipakai wanita dalam bergerak dan berorganisasi.

Seperti disaksikan sebelum dan selepas penjajahan, wanita memainkan peranan yang signifikan. Gerakan sivil kemudiannya diteruskan atas dasar semangat nasionalisme menentang penjajahan tanpa mengira batas etnik, kelas dan gender. Penjajahan British memperlihatkan transformasi masyarakat khususnya peranan wanita. Walaupun isu yang dibawa bersifat nasional dan bukannya kesetaraan gender, wanita yang menyertai parti komunis ini dikatakan bukan sahaja menentang kapitalisme dan liberalisme tetapi juga membebaskan wanita daripada persekitaran dan belunggu penindasan (Crisp 2004: x). Gerakan menuntut kemerdekaan juga merupakan salah satu bentuk gerakan pembebasan wanita daripada penindasan dan kekangan sosial dan keluarga.

Pemerintahan Malayan Union (1945-1946) merupakan kemuncak kesedaran wanita khususnya Melayu yang bukan sahaja menyertai demonstrasi malahan juga lantang bersuara membuktikan mereka memiliki keberanian dan kefahaman yang sama dengan lelaki, wanita Melayu tampil dengan protes yang diadakan oleh UMNO, seorang guru sekolah berusia 25 tahun bernama Zaharah binti Abdullah berucap di perhimpunan protes di Johor, dengan menyatakan bahawa “[kamu] wanita sangat

terkejut apabila kami diabaikan sepenuhnya oleh Sir Harold MacMichael. Kami tidak akan bersetuju dengan MU [Malayan Union] walau apapun yang berlaku. Kami membantah sekeras-kerasnya. Kami akan bekerjasama dengan lelaki untuk mendapatkan semula hak kami. Pendek kata, kami tidak suka dengan MU.” (Khairudin Aljunied 2013:153).

Wanita Melayu menurut Khairudin Aljunied (2013) memberi sosok dan meninggalkan pengaruh yang besar dalam protes dan perhimpunan yang diadakan oleh UMNO dalam menentang bukan sahaja penjajahan British tetapi layanan mereka yang mengengapikan suara dan sekaligus kepentingan peranan wanita dalam pembentukan Malayan Union ketika itu. Wanita ingin dilayan sebagai warga yang setara seperti dinikmati oleh lelaki lelaki dan bukannya ingin menjadi seperti lelaki. Hal ini dapat dilihat dengan jelas berdasarkan kerjasama yang ditunjukkan oleh golongan wanita untuk berganding bahu dengan lelaki dalam mempertahankan dan membangunkan negara.

Wanita tidak dinafikan turut terlibat dalam urusan ekonomi, malah sumbangan gender ini merupakan asas kepada kesejahteraan isi rumah dan situasi ini sangat jelas di Kelantan dan Terengganu pada masa itu. Semasa kedatangan Jepun, kepayahan serta keadaan politik pada masa itu juga lebih menggalakkan wanita untuk turun beraksi dan tidak lagi terhad dalam memenuhi tuntutan domestik. Kesusahan zaman perang membawa kepada kesediaan untuk membenarkan wanita muda Melayu mencari pekerjaan di luar rumah mereka. Situasi seperti ini bagaimanapun hanya berlaku di bandar Pantai barat; di tempat lain terdapat tentangan yang lebih besar kerana syak wasangka bahawa orang Jepun hanya mahu wanita itu bekerja sebagai pelacur (Raja Rohana, 1991). Keadaan peperangan juga memberi kesedaran kepada perempuan Melayu tentang kepentingan organisasi sukarela dan bagaimana aktiviti persatuan semacam ini mampu memainkan peranan dalam kehidupan mereka, contohnya Kaum ibu yang merupakan persatuan bagi masyarakat kampung bermula dengan “knit for the British” sekali lagi berkumpul untuk menuntut hak-hak mereka dipenuhi.

Di Tanah Melayu, sekumpulan pemimpin wanita Melayu yang antaranya Ibu Zain (1903-1989), Khatijah Sidek (1918-1982), Shamsiah Fakeh (1924-2008), Aishah Ghani (1923-2013), Suriani Abdullah (1924-2013), Fatimah Hashim (1924-2010) bersama sekumpulan wanita Cina memperjuangkan kemerdekaan tanah air dan

menuntut perwakilan wanita sebagaimana wanita di India dalam Liberation Tigers of Tamil Eelam (LTTE) dan Parti Bharatiya Janata (BJP) yang terlibat dalam keganasan politik etnik dan aktif bagi projek *Shining India* (Cecilia Ng. 2007; Crisp 2004). Wanita didapati sudah menjadi sebahagian daripada proses membina keamanan, mereka memimpin dan menghubungkan sesama wanita dan organisasi wanita dari pelbagai komuniti etnik seperti Jawatankuasa Tindakan Wanita (Women’s Action Committee) dan Wanita untuk keamanan (Women for Peace) di Sri Lanka (Cecilia Ng. 2007).

Pengalaman berorganisasi dan bergerak dalam tindakan yang lebih tersusun inilah antaranya memunculkan pelbagai organisasi masyarakat sivil dan pemimpin wanita yang terkesan atau terinspirasi dengan anti-kolonialisme pada masa lalu. Weiss (2004) juga menyatakan organisasi masyarakat sivil di Malaysia yang ada kini berakar daripada pelbagai organisasi yang telah lama bertapak seperti Kongsi Gelap Cina, Nasionalis India dan Melayu-Muslim Progresif. Kerencaman sejarah penjajahan dan kepelbagaian latar belakang etnik yang ada di Malaysia ini tentunya mempunyai cabaran dan intervensi yang berbeza yang dapat diungkapkan dengan menggunakan konsep keseliratan kepimpinan Eagly dan Carli (2007) yang sangat sensitif dengan kerumitan dalam masyarakat. Sebagai bekas tanah jajahan bukan sahaja dari British, Tanah Melayu juga berdepan dengan pendudukan Jepun yang menjadikan hubungan etnik terutamanya tiga etnik terbesar di Malaysia ini lebih menarik melihat kepada hubungan penyertaan setiap etnik ini dalam kesatuan sekerja.

PENDUDUKAN JEPUN (1942-1945)

Pada tahun 1942, Tanah Melayu jatuh sepenuhnya pada Jepun dan hanya pada tahun 1955 pihak British kembali menguasai dan menyerahkan sebahagian kuasa kepada Melayu. Kesedaran berpersatuan dalam kalangan wanita dan teretusnya kesedaran gender dapat dilihat sepanjang zaman Pra-pendudukan Jepun ini sehinggalah pasca-kemerdekaan. Di Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, NGO wanita telah wujud lama sebelum zaman pendudukan Jepun yang menumpukan kebajikan ahli, meningkatkan pendidikan dan kemahiran wanita – didorong gerakan dakwah Kristian antarabangsa, semangat altruisme golongan wanita berpendidikan dan pengaruh semangat kebangsaan (Makmor Tumin 2006: 3). Pertubuhan wanita yang ada pada waktu itu pelbagai dengan

tujuan dan aktiviti yang berbeza, secara sepintas lalu akan disentuh beberapa NGO yang memberi kesan dan dianggap penting antaranya Young Women's Christian Association (YWCA), Malay Women Teacher Union (MWTU), Malay Ladies Association (MLA), Chinese Ladies Association of Singapore.

Bagi menentang penjajahan British, satu regimen yang sepenuhnya wanita dibentuk di Asia Tenggara disertai majoriti wanita muda dari estet Tanah Melayu – wanita dari pelbagai peringkat umur seawal 15 tahun terlibat dalam perjuangan Rani of Jhansi Regiment (RJR). Penglibatan bermula ketika himpunan massa pada 9 Julai hasil ideologi keagamaan dan kuasa Ibu iaitu suatu prototaip feminin yang lebih kuat berbanding isteri yang submisif dan mampu menukar ekspresi kepada organisasi politik (Lebra 2008:15). Kebanyakan kepimpinan wanita dalam Rani of Jhansi Regiment (RJR) ini berpendidikan Inggeris, kelas menengah dan atasan India di Tanah Melayu dan Burma, lahir dalam keluarga profesional yang terdiri daripada peguam dan doktor dan menjawat kedudukan dalam birokrasi kolonial (Lebra 2008). Bagi golongan wanita bawahan pula yang digelar sebagai wanita kuli (Coolie women) hidup dalam persekitaran opresif, eksploitasi penjajahan dan kawalan patriarki – menjadi objek atau subjek untuk memenuhi tuntutan kapitalisme, kolonial dan politik nasionalis. Mereka yang berkuasa didapati menggunakan gender, kelas, kaum untuk mencapai kepentingan manakala yang dikuasai pula menggunakan stereotaip gender, kelas dan kaum untuk memperbaiki hidup mereka sendiri. Politisasi isu dan hak wanita serta perjuangan kebajikan wanita bukan sahaja memenangkan Gandhi dalam kempen nasionalis dan gerakan protes tetapi juga membuka jalan kepada elit wanita India dalam politik nasional iaitu tren yang bermula di India inilah menjadi rujukan kelas elit India di Tanah Melayu untuk meningkat naik dalam politik dengan menggunakan isu estet sebagai contoh S. N. Veerasamy yang merupakan peguam yang prominen dan pertama menganggotai Majlis persekutuan Tanah Melayu (Khoo Kay Kim 1992).

Menurut Datta (2016), S. N. Veerasamy sebagai contoh, peguam India pertama yang dan menjadi ahli Majlis Persekutuan di Tanah Melayu kolonial, berucap di mesyuarat Majlis di Majlis Persekutuan, Kuala Lumpur pada tahun 1929 bahawa disebabkan percanggahan nisbah jantina dalam kalangan orang Tamil di Malaya, menarik minat wanita yang sudah berkahwin adalah biasa, dan kerana kebanyakan perkahwinan tidak dapat dibuktikan seperti

dikehendaki oleh mahkamah, kebanyakan pesalah tidak dihukum. Seperti pentadbir kolonial, nasionalis dan elit India menggunakan politik gender untuk mengelaskan kelas dengan 'sosial terbelakang' ini sebagai 'lain' untuk mencapai matlamat masing-masing. Nasionalis India menerima stereotaip yang diberikan oleh pentadbiran kolonial dan menjadikan mereka menentang penjajah (Datta 2016).

Gerakan secara gerila iaitu konflik antara Jepun dan penduduk tempatan Cina dan Melayu juga berlaku. Kaum Cina yang tertindas masuk ke hutan dan menjalankan gerakan bawah tanah yang dikuasai komunis dinamakan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) dan satu lagi kumpulan gerila Cina dikuasai golongan nasionalis Kuomintang iaitu Overseas Chinese Anti-Japanese Army (OCAJA). Menarik untuk diperhatikan, Ibrahim Yaakob melalui akhbar *Warta Malaya* menyeru agar wanita Melayu dihormati di samping kedaulatan Melayu, agama, istiadat dipertahankan. Sebagaimana halnya dengan etnik lain seruan Bose yang mempercayai nilai kesetaraan antara lelaki dan wanita dan peri pentingnya wanita berjuang menuntut kemerdekaan. Menurut Lebra (2008: 76), "jika ada sesiapa yang menganggap bahawa dengan mengangkat senjata itu tidak bersifat kewanitaan, saya akan menyuruh mereka melihat kembali sejarah. Saya yakin hanya dengan penyertaan wanita dalam memperjuangkan kemerdekaan sahaja barulah India akan bebas".

Penjajahan British dan Jepun telah membentuk banyak peribadi yang mendorong kepada perjuangan menuntut hak-hak yang wajar dinikmati masyarakat dan tidak terkecuali wanita. Selain terlibat dalam organisasi yang khusus menggunakan perkataan "wanita" pada namanya, wanita dalam zaman pendudukan Jepun juga melibatkan diri dalam organisasi yang tidak mempunyai perkataan "wanita" tetapi bergerak dalam sayap atau bahagian wanita dalam organisasi antaranya seperti Kesatuan Melayu Singapura, KMS yang ditubuhkan oleh Eunus Abdullah (Makmor tumin 2006; Manderson 1980). Selain itu, antara yang turut berjasa dalam pendidikan tanah air ialah, organisasi seperti Women's Teacher Union (WTU) dan Malayan Teachers' of the National Congress (MTNC). Dalam bidang pendidikan, Rassamah dikenali sebagai seorang aktivis dan guru dengan tiga puluh lima (35) tahun pengalaman mengajar terinspirasi dengan kebebasan India dan pertemuan dengan kapten Dr. Lakshmi Swaminathan, komander Rani of Jhansi regiment.

Pengalaman Rasamah Naomi Bhupalan pertamanya ialah dengan YCWA Ipoh di bawah Mrs. Dodsworth dan terlibat dalam Women's Teacher Union (WTU) yang menuntut bayaran yang adil diberikan kepada guru-guru wanita tanpa ada diskriminasi dalam apa-apa jua bentuk. Berdepan dengan pelbagai halangan daripada penentangan The National Union of Teachers (NUT), Rasamah tetap lantang bersuara. National Council of Women's Organisation (NCWO) Malaysia juga berperanan dalam hal ini. Akhirnya, Pension Amendment Act 1968 dibentuk, malah gaji juga diberikan dengan adil.

GERAKAN SEKERJA PADA 1890-1920

Gerakan Sekerja yang terawal disebabkan tekanan yang dialami pekerja industri pada hujung 1990-an dan awal abad ke-20, yang mendatangkan kesan seperti "an urban jungle of exploitation, family disintegration, crime and human degradation." (Hurst 1997: 315). Gerakan ini dapat dilaksanakan hanya apabila terdapatnya akses terhadap sumber dan ekspresi undang-undang dan politikal, sebagai contohnya ketika Pilihan Raya Franklin Roosevelt yang memberi laluan pada Wagner Act yang membenarkan hak untuk berpersatuan sekaligus kuasa alternatif pada pekerja dan buruh.

Zaman penguasaan komunis dalam gerakan kesatuan sekerja antara tahun 1945 hingga 1948 telah dihuraikan dengan jelas oleh Stenson dalam bukunya *Industrial Conflict in Malaya*. Ini jelas apabila PKM gagal memperolehi konsensi politik dari kerajaan Tanah Melayu, ia cuba mendapatkan sokongan kaum Buruh yang sememangnya berada dalam kebimbangan akibat berkurangnya keperluan kepada tenaga buruh. Keadaan ini memberi perangsang kepada bekas ahli Indian National Army (INA) dan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) yang tidak dapat bergerak dalam politik, menubuhkan kesatuan sekerja yang besar, Kesatuan Sekerja Agung (GLU). PKM dapat menguasai GLU melalui satu organisasi yang dikenali sebagai Pan Malayan Federation of Trade Unions, PMFTU.

Ekonomi Malaysia yang mengalami perkembangan perlahan sebelum berlakunya kemelesetan ekonomi pada pertengahan 1980-an memberi kesan kepada majoriti wanita yang bekerja di industri elektronik pada 1970-an lagi. Begitu juga dengan pekerja lelaki dalam sektor perlombongan dan pertanian. Kekurangan penglibatan wanita dalam industri dan seterusnya kepimpinan dalam kesatuan sekerja bertambah buruk apabila di bawah pimpinan

Perdana Menteri Dr. Mahathir Mohamad masa itu mengekang hak sivil dan politik iaitu antaranya hak berpersatuan, menahan aktivis dan musuh politik tanpa bicara di bawah ISA (Rohana Ariffin 1989, 1999). Rentetan peristiwa inilah tumbuhnya pelbagai NGO pula untuk mengisi ruang kosong dalam demokrasi sebagai saluran menyuarakan ketidakpuashatian dan hak-hak warga yang tertindas. Lahirnya pelbagai NGO dengan isu masing-masing di setiap lapangan seperti kumpulan pengguna, alam sekitar, keagamaan, belia, etnik, orang kurang upaya, orang tua dan wanita. Kebanyakan NGO ini fokus dengan area dan kepentingan organisasi mereka dan tidak mengambil sikap dalam isu gender dan keganasan terhadap wanita kerana ini dianggap sebagai isu NGO wanita sahaja (Rohana Ariffin 1999). Pembaikan ekonomi dan kawalan politik yang berlaku menyebabkan hak wanita dan kepimpinan wanita tidak dianggap penting pada masa ini tetapi menjadi isu utama kemudiannya pada 1980-an seperti akan diterangkan di bawah.

GERAKAN KAUM MUDA 1920-AN

Di Malaysia, tokoh-tokoh seperti Syed Sheikh al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin. yang dianggap pelopor dan penggerak gerakan Islamisme moden dan progresif, dilabelkan Kaum Muda. Syed Sheikh al-Hadi juga menampilkan sikap kepedulian terhadap persoalan-persoalan wanita terutama menerusi al-Imam dan al-Ikhwan. Novel karangan beliau berjudul *Hikayat Faridah Hanum* dianggap novel yang revolusioner pada waktunya dan bertentangan dengan arus zaman yang menganggap wanita Melayu-Muslim dianggap bertaraf rendah, tiada upaya mendidik diri sendiri dan perlu bergantung kepada lelaki. Syed Sheikh al-Hadi memberi gambaran yang sebaliknya: watak Faridah Hanum itu seorang wanita berpendidikan dan berkeperibadian kuat dan mulia namun perlu patuh pada adat tradisional dan jika terdidik bakal menggantikan tempat suaminya (Musa 2016; Musa 2010; Hooker 1994).

Menurut Jayawardena, ini juga satu usaha patriarki bahawa wanita adalah lanjutan daripada suaminya, diberi hak dan Pendidikan untuk menjamin kedudukan suaminya dalam masyarakat. Walaupun Kaum Muda banyak membawa isu pendidikan wanita dalam al-Ikhwan dan dikatakan terpengaruh dengan gerakan feminisme Timur Tengah waktu itu. Gesaan Kaum Muda untuk memberi pendidikan kepada wanita juga dilihat disebabkan kaum Cina lebih ramai berpendidikan dengan jumlah sekolah

vernakular di Tanah Melayu melebihi kaum Melayu sendiri (Tan Liok Ee 1997). Usaha Kaum Muda ini haruslah diimbangi dengan situasi di Tanah Melayu dan konsisten dengan nasihat yang dinukil dalam *Hikayat Faridah Hanum* bahawa meskipun wanita Melayu itu berpendidikan perlu patuh pada adat tradisionalnya.

Kedatangan agama Islam dilihat menawarkan kerangka baharu untuk menilai wanita bahawa orientasi seksual lelaki atau wanita bukanlah kriteria penting sebagai penentu keanggotaan seseorang dalam ummah. Pandangan kesetaraan Islam ini pasti mempunyai implikasi positif terhadap kedudukan kaum wanita. Bagaimanapun, tiada usaha memberi tafsiran sewajarnya apatah lagi cuba merealisasikan dalam kehidupan masyarakat Melayu. Menurut Sharifah Zaleha (2000), sebaliknya aspek gender ideologi Islam yang ditekankan ialah perbezaan genetik antara lelaki dan wanita yang menyimpulkan secara mentah bahawa wanita itu dianggap lemah dan kurang objektif berbanding lelaki yang rasional. Wanita Melayu sejak kecil telah dididik dan dibesarkan untuk menjadi ibu dan wanita Melayu yang menjaga adab susila dengan melakukan kerja rumah iaitu kerja dapur bagi menyediakan mereka menjadi wanita dan isteri yang ideal apabila berkahwin nanti (RoZIAH 1994). Kesannya, peranan wanita hanya terhad dalam kerja rumah dan kerja kampung. Dari satu segi masyarakat memandang mulia wanita kerana syurga terletak di bawah tapak kaki ibu tetapi dari segi lain wanita itu direndahkan kerana menjadi ibu rumah tangga. Tafsiran dan amalan Islam boleh dikatakan tidak banyak mengubah hubungan antara lelaki dan wanita dalam masyarakat Melayu ketika itu.

Di negara ini, mengikut Sharifah Zaleha (2000) agama Islam memainkan peranan penting membentuk tanggapan dan sikap masyarakat khususnya orang Melayu terhadap wanita. Agama memperkatakan nilai moral dan sosial wanita selaras dengan perubahan yang dialami sendiri oleh kaum wanita akibat penyertaan mereka dalam bidang awam. Kepekaan Islam kepada kesan pembangunan terhadap kedudukan dan peranan wanita dapat dilihat daripada falsafah perjuangan dua gerakan reformasi agama yang telah mencatat sejarah di negara ini melalui gerakan Kaum Muda atau *Islah Islamiyah* yang bermula pada 1920-an dan 1930-an dan gerakan dakwah pada 1970-an. Gerakan ini berbeza dari segi perjuangan dan program reformasi yang membawa tanggapan mereka berbeza terhadap ciri-ciri wanita unggul.

Walaupun wanita Melayu berdepan dengan tafsiran Islam dan tanggapan budaya yang memfokuskan peranan wanita dalam ruang domestik, wanita tidak dihalang untuk menikmati hak mendapatkan pendidikan. Namun, wanita dihadkan untuk terlibat secara aktif dalam ruang awam, dan dalam kerumitan yang timbul ini wanita Melayu bersama wanita dari pelbagai latarbelakang mampu memimpin organisasi dan menjadi suara perhimpunan. Penglibatan wanita dalam gerakan sivil yang berlaku dari tempoh 1916 hingga 1970-an (Gin 1992; Purcell 1967; Nik Safiah Karim & Rokiah Talib 2016) ditunjukkan dalam Rajah 3.1 Sejarah jerit-perih wanita di ruang awam yang jauh terkedepan berbanding negara Amerika Syarikat yang terpaksa datang dengan gerakan-gerakan feminisme untuk menuntut hak wanita yang setara sebagai warga.

JADUAL 3.1. Sejarah Penglibatan Wanita dalam Berpersatuan 1916 - 1974

Tahun	Perincian
1909	Young Women Christian Association (YWCA) yang pertama dibentuk di Singapura pada 1875 diikuti di bandar besar di Semenanjung seperti Pulau Pinang (1909), Kuala Lumpur (1913), Melaka (1921) dan Ipoh (1930)
1916-1917	Wanita Sikh berperanan penting dalam pertubuhan Sikh pertama, Sangh Sabha di Larut Perak 1916. Dikuasai lelaki tetapi memberi perhatian pada isu-isu dibangkitkan wanita. Melahirkan persatuan wanita Sikh yang pertama, Khalsa Diwan Selangor 1917. Sekolah untuk kanak-kanak perempuan Sikh didirikan Persidangan wanita Sikh 1933 diadakan
1929	Persatuan Guru-Guru Perempuan Johor (PGPJ) atau Malay Women Teachers Union ditubuhkan di Johor. Kesatuan Guru Malaya ialah kesatuan wanita Melayu pertama yang ditubuhkan oleh Zainun bt Munshi Sulaiman (Ibu Zain). Ibu Zain juga menganjurkan jurnal Majalah Guru dan Bulan Melayu dengan membahaskan isu berkaitan monogami, pekerjaan untuk lelaki dan wanita serta menubuhkan dan mentadbir sekolah kerajaan di seluruh negeri Johor. Penganjuran ini telah membangkitkan semangat kaum ibu Melayu untuk mengambil bahagian secara aktif.

bersambung ...

... sambungan

1930	<p>Wanita Cina ke Tanah Melayu bekerja di rumah British dan ahli perniagaan Cina yang kaya sebagai pembantu rumah (<i>amah</i>). Mereka menubuhkan kongsi (persatuan) dan mengumpulkan gaji untuk menyewa premis untuk menempatkan 50 wanita.</p> <p>Kumpulan ini ingin bertindak seperti persatuan, membantu para amah untuk mencari tempat tinggal, pekerjaan (yang akan dipaparkan dalam domestik) dan memberikan bantuan lain.</p> <p>Terdapat undang-undang tidak bertulis bahawa orang yang paling lama menganggur akan ditemuduga terlebih dahulu. Selain pembantu domestic, wanita juga bekerja dalam kerja yang didominasi wanita iaitu "dulang washer", cabaret dan pekerja seks.</p>
1940	<p>Persatuan Wanita Melayu (Malay Ladies Association) di Johor pada 1940 oleh Azizah bt. Jaafar yang merupakan anak Menteri Besar Johor, Datuk Jaafar Mohammad (adik Dato' Onn Jaafar) melibatkan isteri Menteri Besar dan isteri pembesar lain untuk aktif berorganisasi.</p> <p>Penubuhan beberapa persatuan wanita Cina, terawal ialah Penang Women's Association (Jan 1946). Dua pertubuhan lain di Selangor, Selangor Ladies Association (SLA) dan Selangor Women's Relief Association serta Chinese Women's League di beberapa bandar yang memfokus hal ehwal kebajikan.</p>
1946-1947	<p>The Women's Federation 1946 – kecenderungan politik – kemudiannya menubuhkan All-Malaya Women's Federation.</p> <p>Persatuan Wanita India di Negeri Sembilan dan Selangor 1946 tetapi penyertaan wanita India dalam ruang awam amat rendah.</p> <p>Kesatuan sekerja menunjukkan penyertaan tinggi wanita India, Kesatuan Sekerja Ladang – iktiraf sumbangan ekonomi buruh wanita.</p> <p>Women's Teacher union (WTU) ditubuhkan oleh Rasammah Bhupalan menuntut gaji setara untuk guru di Malaysia dan hanya tertunai pada 1970.</p>
1960-1967	<p>Pada 1967, 10000 guru berhimpun menuntut hak dan gaji yang lebih baik – suruhanjaya dibentuk dan guru-guru menikmati hak gaji setara, perumahan dan pencen.</p> <p>Tuntutan status sebagai pekerja tetap selepas berkahwin serentak dengan tuntutan gaji setara. Rasamah lantang bersuara bersama NCWO, akhirnya Pension Amendment Act 1968 dibentuk malah gaji yang setara juga diberikan tanpa diskriminasi.</p> <p>Himpunan Wanita Indonesia Malaysia oleh Khadijah Sidek pada 1967 yang diwujudkan untuk kepentingan orang ramai.</p>
1974	<p>National Union of Teaching Profession (NUTF) dibentuk hasil gabungan dua kesatuan guru iaitu the National Union of Teachers (NUT) dan National School Teachers National Union (KKGSK).</p> <p>Anak gadis kampung (18-24tahun) menyertai kilang-kilang elektronik. Peningkatan wanita dalam industri pembuatan mempengaruhi komposisi keahlian dalam kesatuan sekerja.</p>
1980	<p>Wanita kelas menengah yang meningkat dalam sektor kolar putih hasil DEB.</p> <p>Aktivis wanita yang memperjuangkan nasib wanita melalui saluran politik dan memperbaiki hak wanita dan persekitaran kerja menerusi kesatuan sekerja.</p>

Sumber: Disusun oleh penulis berdasarkan Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. 2016, Nik Safiah Karim dan Makmor Tumin (2010) dan Fatimah (1985).

WANITA DAN REAKSI TERHADAP PEMBANGUNAN

Dalam perjuangan menuntut kemerdekaan, wanita membawa pelbagai isu sosioekonomi untuk memelihara bukan sahaja kepentingan negara tetapi juga suara mereka agar turut dilibatkan dalam keputusan negara. Dalam arena politik, wanita pertama yang dalam politik adalah ahli-ahli Parti Komunis Malaya yang telah mula aktif sejak zaman pendudukan Jepun, antaranya Chan Pek Khuan, Lee Khoo Wah, dan beberapa lagi wanita di Setiawan yang terlibat dalam aktiviti parti dan membebaskan wanita dari budaya masyarakat yang menyekat potensi wanita (Rashila & Saliha 2010; Crisp 2004; Chin Peng 2003; Khoo Kay Kim 1994). Khoo berpendapat pembebasan wanita Cina

lebih awal berbanding wanita India dan Melayu yang kemudiannya terlibat dalam aktiviti sosial dan politik adalah dari latar belakang Inggeris, menghuni kawasan bandar, merupakan isteri kakitangan awam dan terdedah kepada pelbagai ideologi dan pergerakan nasionalisme seperti yang telah dijelaskan di atas. Peristiwa ini dikatakan menunjukkan penentangan dan perjuangan wanita terhadap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka, wanita telah berorganisasi dan terlibat dalam wacana awam tentang politik, isu wanita dan gender telah lama ada sejak sebelum kemerdekaan Tanah Melayu mempunyai peranan penting dalam perjuangan ini (Anna Spiegel 2010).

Kebangkitan Islam melalui gerakan dakwah pada 1970-an dan kemudiannya memasuki 1990-an merupakan era globalisasi dan pemberdayaan

wanita seperti dapat dilihat dalam Rancangan Malaysia kelapan yang memfokuskan pendidikan wanita dan meningkatkan kesedaran wanita terhadap isu wanita khususnya isu gender dan wanita dalam pembangunan (Rashila & Saliha 2010). Proses ini melahirkan generasi baru pemimpin dan aktivis politik dalam menyuarakan ketidakpuashatian dan mewakili kepentingan wanita dalam negara. Kerajaan mengiktiraf sumbangan besar wanita di dalam pembangunan negara dengan menggalakkan penyertaan mereka dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik.

Menurut Rashila dan Saliha (2010: 92), sebahagian besar aktiviti dan program yang dijalankan oleh pergerakan wanita parti-parti politik Malaysia merupakan sokongan terhadap agenda parti seperti penyokong kempen, peraih undi dan pengundi walaupun di peringkat awal pembentukan Malaysia, wanita memahami semangat nasionalisme dan penglibatan politik tetapi ini banyak bergantung dengan garis panduan yang ditetapkan oleh kaum lelaki. Hanya setelah berlakunya tragedi Mei 1969, beberapa perubahan dasar meningkatkan integrasi dilakukan yang memberi kesan terhadap perkembangan politik wanita di Malaysia terutamanya di peringkat akar umbi bagi menyokong projek pembangunan selaras dengan Dasar Pembangunan Negara (1991-2000).

GERAKAN DAKWAH 1970-AN

Pada awal 1970-an, pembangunan pendidikan Islam mengalami perubahan sebagai kesan kebangkitan Islam di negara ini. Kebangkitan sebagai satu respons terhadap proses pemodenan yang dikatakan menghakis nilai keagamaan Melayu. Kesedaran ini juga bertambah dengan gerakan dakwah pada pertengahan 1970-an. Gerakan dakwah seperti Angkatan Belia Islam Malaysia, ABIM muncul dan pendekatan awal terhadap Melayu kemudiannya kepada bukan-Melayu adalah disebabkan kegagalan kerajaan untuk mengekalkan keharmonian etnik. Keadaan ini menyebabkan bukan-Melayu responsif dan mempunyai kesedaran ras yang tinggi lalu membentuk solidariti untuk mengekalkan identiti etnik, agama dan budaya mereka masing-masing. Organisasi masyarakat sivil yang non-partisan seperti Ikatan Muslimin Malaysia, ISMA dan G25 juga dilihat berbeza dengan kumpulan masyarakat sivil Islam pada 1980-an dan 1990-an yang menyertai UMNO dan PAS.

Gerakan dakwah bagi wanita Melayu menurut Nagata (1984) adalah proses pembentukan semula pendidikan dan sosialisasi di mana wanita dapat diselamatkan daripada westernisasi yang telah memasuki budaya Melayu. Fenomena seperti ini mengheret wanita dalam pertentangan tradisional dan Barat. Wanita dianggap tertakluk kepada autoriti lelaki dan peranan domestik wanita sebagai isteri dan ibu sebagai simbol nasionalisme keagamaan kepada Melayu (Noraini, 2006). Dakwah dikatakan mengadvokasi perwatakan wanita Islam yang baik itu adalah dengan menjaga anak, pembantu lelaki dan tidak mempunyai hak politik yang sama seperti lelaki justeru terhadap pada bidang tertentu yang sarat dengan stereotaip gender.

Wanita Islam sendiri didapati berdepan dengan banyak sisi mahupun tafsiran agama berbeza yang antaranya cenderung mendiskriminasi hak wanita untuk memenuhi kapasiti dan potensi sebagai individu yang setara dengan lelaki seperti terkandung dalam hak asasi manusia. Selain NGO wanita, Sultan dan pemimpin Melayu tradisional juga menentang pelaksanaan fatwa yang didapati menindas misalnya fatwa terhadap 'tomboy' dan yoga. Perdebatan dan cabaran terhadap undang-undang yang dilihat mendiskriminasi wanita diteruskan melalui usul "Repeal of the Amendments to Islamic Law in Malaysia" diterajui Sisters in Islam bersama Joint Action Group of Women Against Violence (JAGVAW) yang ditubuhkan pada 1984. Sistem syariah memerlukan pembaikan, penguatkuasaan pihak polis dan undang-undang Islam terutama yang berkaitan undang-undang keluarga Islam sentiasa dikemas kini (Maznah 2009; M. Shahrizad 1996; Raja Rohana 1991).

Bagi wanita Islam progresif yang melihat Islam tidak mengamalkan diskriminasi atau ketidakadilan terhadap golongan wanita, SIS cuba menawarkan tafsiran Islam yang tidak menjadikan wanita sebagai subordinat kepada budaya dan penindasan atas nama agama. Bagaimanapun, pandangan seperti SIS ini bertentangan dengan aktivis Islam yang teguh dengan pandangan tradisional bahawa autoriti keagamaan itu terletak pada ulama lalu merencatkan terus perbincangan tentang peranan wanita. Menurut Aurangzaib (2014), perjuangan wanita menuntut hak dalam politik, identiti gender dan islamisasi telah menggerakkan kumpulan wanita yang progresif mencapai pemahaman selari dengan konsep universal hak asasi manusia namun kesannya akan ada kumpulan wanita lain yang menyudutkan wanita terkebelakang.

GERAKAN PERJUANGAN HAK WANITA (1980 - 2000-AN)

Bermula dengan Gerakan Buruh dan kesatuan sekerja seawal 1940-an hinggalah 1960-an, beberapa tindakan represif British dan seterusnya diwarisi kerajaan yang baru dibentuk memaksa beberapa organisasi ditutup, pemimpin-pemimpin dikenakan ISA, parti politik runtuh. Beberapa episod Darurat dilaksanakan dan tindakan perundangan diambil memberi kesan kepada aktivisme kesatuan sekerja iaitu kurangnya aktiviti, tuntutan lebih kepada mendapat gaji dan keadaan lebih baik serta lebih bersifat industrial berbanding politikal (Graham K. B. 2004: 114). Kesatuan sekerja telah mengalami proses “de-politicisation” sepanjang tempoh ini.

Pada 1970-an mula menyaksikan beberapa organisasi baru yang meninggalkan kesan dalam lanskap politik Malaysia seperti Consumer Association of Penang (CAP), Sahabat Alam Malaysia (SAM), Environmental Protection Society of Malaysia (EPSM), Selangor Graduates Society (SGS), dan Aliran Kesedaran Negara (ALIRAN) yang dibentuk pada 1977 dan menjadi badan yang berpengaruh pada 1980-an dan 1990-an. Dalam tempoh ini terdapat aktivisme dan pelajar universiti berhimpun membawa isu kemiskinan luar bandar dan akhirnya padam setelah beberapa pemimpin dikenakan ISA, seperti yang pernah dikenakan terhadap gerakan terdahulu.

Pada 1980-an muncul gerakan baharu yang dikenali sebagai *New Social Movement* didorong oleh kelas menengah baru dengan isu-isu bandar dan rentas etnik seperti hak asasi manusia, environmentalisme berbanding wacana sebelumnya yang berkisar etnik dan luar bandar. Keadaan ini memberi ruang kepada kepesatan kegiatan wanita dan kesedaran gender yang semakin meluas di Malaysia sejak awal 1980-an, antaranya hasil pengaruh pergerakan feminisme antarabangsa, pendedahan melalui penyertaan persidangan antarabangsa dan kemajuan teknologi. Bermula awal 1980-an, isu yang mengambil perhatian ialah keganasan terhadap wanita dan penglibatan wanita yang lebih besar dalam kepimpinan. Menurut Rohana Ariffin (1999) terdapat beberapa NGO wanita yang utama yang terlibat dalam kesedaran akan isu gender ini seperti Women’s Aid Organisation, WAO (1982), All Women’s Action Movement, AWAM (1985), Women’s Crisis Centre, WCC (1985), Sarawak Women for Women Society, SWWS (1985), Sabah Women’s Action Resource Group, SAWO (1987),

diikuti dengan Sisters-in-Islam, SIS (1988) dan TENAGANITA (1991).

Keanggotaan Joint Action Group for Gender Equality (JAG) semakin berkembang dengan isu-isu yang semakin kritikal dan kegiatan bersama dengan organisasi yang prihatin gender seperti organisasi alam sekitar dan kanak-kanak. Emansipasi wanita bertambah kuat menjelang tahun 1970-an yang melibatkan NCWO, YWCA dan WI disebabkan pengaruh gerakan feminisme antarabangsa yang memberi kesan terhadap kegiatan persatuan-persatuan wanita khususnya di Malaysia (Makmor Tumin 2006). NCWO dan beberapa gabungan lain telah membentuk JAG dan National Women Coalition (NWC) – walaupun kemudian JAG menjalankan aktiviti yang terasing daripada gabungan besar NCWO yang mengambil garis kooperatif dengan kerajaan (*pro-establishment*). Walaupun terdapat kerjasama dengan NCWO, sifat autonomous JAG juga mewujudkan hubungan konfrotasional dengan kerajaan dalam isu tertentu contohnya Operasi Lalang Oktober 1987 menyebabkan pemimpin NGO wanita ahli gabungan JAG ditahan atas dakwaan menggerakkan golongan pekerja dan wanita untuk menjatuhkan kerajaan, Cecilia Ng, Chee Heng Leng, Lim Chin Chin dan Irene Xavier (Makmor Tumin 2006: 26). Wanita sudah lama terlibat dalam projek pembangunan negara dan dalam tempoh itu, isu berkaitan wanita dikenal pasti seperti diunjurkan dalam setiap Rancangan Malaysia dan dasar-dasar kerajaan

ANALISA KESELIRATAN KEPIMPINAN EAGLY DAN CARLI

Mengguna pakai teori keseliratan Eagly dan Carli (2007) ini membolehkan kajian ini melihat secara menyeluruh kerumitan yang ada. Kerumitan-kerumitan ini cuba dibayangkan dengan memakai makna “keseliratan” bahawa diskriminasi yang berlaku bukan tunggal, bukan satu arah (top down atau bottom up) – tetapi banyak arah (malah dari diri sendiri) serta bersifat sistemik. Dengan aplikasi secara longgar ke atas masyarakat, teori ini mampu ditambah baik dengan tidak mengeneipkan keunikan dan kerencaman dalam masyarakat yang dikaji.

Dimensi domestik salah satu dimensi matriks keseliratan kepimpinan. Dimensi domestik ini sering mendapat perhatian, pertentangan dan politisasi. Ruang ini memberi semacam gambaran keadaan dan kedudukan wanita dalam satu-satu masyarakat terutamanya kenapa lebih banyak

lelaki berbanding wanita memegang peranan kepimpinan. Pembahagian kerja antara ruang domestik dan awam ini telah meletakkan wanita memegang tanggungjawab domestik yang besar dan menghadkan penglibatan dan pekerjaan di luar ruang ini, setidaknya bagi kebanyakan wanita terpaksa memilih antara kerja atau keluarga dalam perkembangan kerjaya (Kark & Eagly, 2010).

Budaya dan mentaliti masyarakat pasca-industri melihat lelaki lebih diterima untuk mengisi kedudukan autoriti berbanding dengan wanita yang dianggap sesuai dengan peranan penjagaan dan kebajikan di rumah. Kepercayaan seperti ini membawa kita semula ke perdebatan “nature-nurture” yang menentukan dan menghadkan peranan gender dalam ruang awam dan ruang domestik. Malah budaya masyarakat dan mentaliti individu ini seterusnya membentuk cabaran dan kekangan di peringkat organisasi. Menurut Kark dan Eagly (2010), representasi peranan wanita sebagai pemimpin walaupun sudah diterima dan lelaki dilihat semakin melibatkan diri dalam peranan domestik tetapi wanita masih lagi memikul kebanyakan kerja rumah dan memberi kesan kepada penyertaan dalam ruang awam.

“Kepercayaan gender” didapati mempengaruhi persepsi individu, prejudis, stereotaip bersifat diskriminasi dan norma tertentu dalam masyarakat yang mendorong masyarakat bertindak atas apa yang mereka percaya untuk mewajarkan tindakan politik dan merendahkan kemampuan dan kepimpinan wanita (Rothman 2002). Asas merendahkan seseorang itu bukan sahaja disebabkan salah faham tetapi juga ilusi adanya identiti yang tunggal (Sen 2006) mahupun binari (Morris 1993) yang menghadkan potensi individu. Dalam konteks ini, wanita lah yang menerima kesannya kerana harus memegang hanya satu peranan dalam rumah tangga dan sukar untuk melibatkan diri secara bermakna dalam ruang awam berbanding lelaki yang dibenarkan untuk memegang banyak peranan di ruang domestik dan ruang awam. Latar sejarah dalam tulisan ini setidaknya mengajukan kepada kita bahawa kemampuan wanita untuk memimpin itu bukan perkara baharu dan kepimpinan ini boleh dibentuk berdasarkan situasi yang telah dihadapi di atas iaitu – budaya masyarakat yang menghargai wanita, tafsiran agama dan kepercayaan yang mendukung penyertaan wanita dalam ruang awam, sistem sokongan sosial seperti faktor kekeluargaan, pengaruh politik dan ekonomi. Situasi dan lingkungan seperti ini mampu menonjolkan

kepimpinan dan penyertaan wanita di samping membangunkan ekonomi keluarga, masyarakat dan negara.

KESIMPULAN

Kedudukan wanita sudah menempati kedudukan tertinggi dalam hierarki sosial dan politik pemerintahan sejak awal lagi. Namun keadaan ini berubah disebabkan pertembungan budaya, tamadun dan penjajahan yang membawa sekali dan memaksakan budaya yang menyempitkan peranan wanita ke ruang yang tunggal dan tertentu sahaja yang menghendaki wanita berkelakuan mengikut kepentingan dan kekuasaan yang berlangsung ketika itu. Peristiwa sejarah yang mengangkat wanita sebagai pemimpin politik dan ketua agama ini mampu menawarkan wacana alternatif kepada wanita dalam kepimpinan. Sejarah bangsa ini menunjukkan penindasan ke atas wanita boleh berlaku atas nama agama dan pembebasan juga boleh berlaku atas alasan yang sama seperti ditunjukkan dalam Gerakan Kaum Muda dan Gerakan Dakwah. Selain pengaruh agama, pertentangan ras dan kad gender dimainkan dalam gerakan kesatuan sekerja dan gerakan anti-penjajahan. Gerakan sosial baharu muncul sebagai reaksi kepada amalan demokrasi, salah satunya gerakan hak wanita yang menuntut pembebasan wanita daripada segala bentuk diskriminasi dan gerakan-gerakan lain yang mewakili segmen tertentu dalam masyarakat dengan kepentingan dan kepercayaan mereka.

Dalam sejarah gerakan sosial yang dibentangkan dalam artikel ini jelas memperlihatkan kesemua dimensi domestik, diskriminasi, mentaliti, budaya dan organisasi yang menjadi cabaran kepada wanita menjadi pemimpin dan kepimpinan wanita dalam organisasi. Namun, dengan sejarah yang berbeza ini menunjukkan bahawa wanita dalam kepimpinan bukanlah suatu perkara yang baharu setidaknya di ranah ini. Wacana justeru harus bergerak dari wanita dalam pembangunan kepada wanita dalam kepimpinan sebagai satu bentuk penekanan terhadap pentingnya sumbangan dan status wanita dalam negara.

RUJUKAN

- Allen, M. 2017. *The SAGE Encyclopedia of Communication Research Methods*, SAGE Publications, Inc.

- Anna Spiegel. 2010. *Contested Public Spheres: Female Activism and Identity Politics in Malaysia*. Heidelberg: Springer.
- Azmi, Z. 2020. 'Discoursing Women's Political Participation Towards Achieving Sustainable Development: The Case Of Women In Parti Islam Se-Malaysia (PAS)', *Kajian Malaysia*, 38, pp. 67–88.
- Cecilia Ng. 2007. *Mendengar Suara Kita: Pergerakan Wanita dan Pembinaan Keamanan di Malaysia*. Dlm. *Mewujudkan demokrasi: Bingkisan masyarakat Madani Malaysia*. Women's Development Collective: Petaling Jaya.
- Cecilia, Ng., Maznah Mohamad & tan beng hui. 2006. *Feminism and the Women's Movement in Malaysia*. London & New York: Routledge.
- Creswell, J.W. 1999. *Mixed-method research: Introduction and Application*. Dlm. *Handbook of Educational Policy*. Academic Press..
- Creswell, J.W. 2009. *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches*. 3rd ed. Singapore: SAGE Publications.
- Datta, A. 2016. "Immorality", Nationalism and the Colonial State in British Malaya: Indian "coolie" women's intimate lives as ideological battleground", *Women's History Review* 25(4).
- Eagly A. H. and Carli Linda L. 2007. *Women and the Labyrinth of Leadership*. *Harvard Business Review* 1–9.
- Eagly, A. H. & Chin J.L. 2010. 'Diversity and Leadership in a Changing World', *American Psychological Association* 65(3): 216–224.
- Eagly, A. H. 2003. 'More women at the top: The impact of gender roles and leadership style', *Gender — from Costs to Benefits*. *VS Verlag für Sozialwissenschaften* (151–169).
- Eagly, A.H. & Wood, W. 2012. 'Social role theory', *Handbook of Theories of Social Psychology*, SAGE Publications Inc.
- Gin, Ooi Keat. 1992. "Domestic Servants Par Excellence: The Black & White Amahs Of Malaya And Singapore With Special Reference To Penang." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, vol. 65, no. 2 (263): 69–84.
- Graham K. Brown. 2004. *Civil Society And Social Movements In An Ethnically Divided Society: The Case Of Malaysia, 1981-2001*. University of Nottingham. PhD thesis 2004.
- Kark, R. and Eagly, A. H. 2010. 'Gender and Leadership: Negotiating the Labyrinth', *Handbook of Gender Research in Psychology*. New York: Springer.
- Khairudin Aljunied. 2013. 'Section III: Regional Issues Against Multiple Hegemonies: Radical Malay Women in Colonial Malaya'. *Journal of Social History*, 47(1): 153–175.
- Khoo, Kay Kim. 1992. "The 'Indian Association Movement' In Peninsular Malaysia: The Early Years." *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 65(2): 3–24.
- Khoo, Kay Kim 1994. 'Malaysian Women's Participation in Politics: A Historical Perspective.', in Haas, R. and Rahmah Hashim (pnyt). *Malaysian Women Creating Their Political Awareness*. Kuala Lumpur: Asian Institute for Development Communication.
- Lykke, N. (2010) *Feminist Studies: A Guide to Intersectional Theory, Methodology and Writing*. New York: Routledge.
- Makmor Tumin. 2006. *Wanita di Malaysia: Perjuangan Menuntut Hak*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Maznah Mohamad. 2002. "At the Centre and the Periphery: The Contributions of Women's Movements to Democratization.," Dlm. Loh, F. K. W. & Khoo, B. T. (pnyt) *Democracy in Malaysia: Discourses and Practices*. Surrey: Curzon Press.
- Maznah Mohamad. 2008. *Malaysia - Democracy and the end of ethnic politics?*, *Australian Journal of International Affairs*, 62(4): 441–459.
- Musa, M. 2010. 'Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan Dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Moden', *Malaysia Dari Segi Sejarah*, 38: 1–24.
- Musa, M. 2016. 'Malayan Women during the Japanese Occupation', *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 89(2).
- Nik Safiah Karim & Rokiah Talib. 2016. *Pergerakan Wanita dalam Memperjuangkan Hak.UKM: Bangi*.
- Noraisah Yusop. 2013. *Isu Feminisme di Alam Melayu Semenjak Awal*. Dlm. Rahimah A. Hamid, Mohd Kipli Abdul Rahman & Nazarudin Zainun (pnyt), *Meneliti Khazanah Sastera, Bahasa dan Ilmu Jilid 3*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Purcell, V. 1967. *The Chinese In Malaya*. Singapore: Oxford University Press.
- Raja Rohana Raja Mamat. 1991. *The role and status of Malay women in Malaysia: Social and legal perspectives*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rashila Ramli. 1999. *Gender dan politik*. Dlm Ghazali Mayudin (pnyt): *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam konteks Malaysia*. Bangi: Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Reid, A. 1988. *Female Roles in Pre-colonial Southeast Asia*. *Modern Asian Studies*, 22(3): 629–645.
- Rohana Ariffin. 1989. *Women and trade unions in West Malaysia*. *Journal of Contemporary Asia* 19(1): 78–94.
- Rohana Ariffin. 1999. "Feminism in Malaysia: A historical and present perspective of women's struggles in Malaysia," *Women's Studies International Forum*, 22(4): 417–423.
- Rothman, Robert A. 2002. *Inequality and stratification: Race, Class & Gender* (4th ed). New Jersey: Prentice Hall.
- Roziah Omar. 1994. *The Malay Woman in the Body: between biology and culture*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

- Saliha Hassan. 2003. Islamic Non-governmental organisations. Dlm. Meredith L. Weiss & Saliha Hassan (pnyt): *Social movements in Malaysia from moral communities to NGOs*. New York: Routledge.
- Sharifah Zaleha. 2000. Reformasi keagamaan dan citra wanita dalam sastra: Satu interpretasi. Dlm. Ahmad Kamal Abdullah & Siti Aisah Murad (pygr): *Citra wanita dalam sastra Melayu 1930-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Liok Ee. 1997. *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Vaismoradi, M., Turunen, H. and Bondas, T. 2013. 'Content analysis and thematic analysis: Implications for conducting a qualitative descriptive study', *Nursing and Health Sciences*, 15(3): 398-405.
- Weiss, M. 2005. 'Prickly ambivalence: State, society and semidemocracy in Malaysia', *Commonwealth & Comparative Politics*, 43(1): 61-81.
- Noraisah Yusop,
Institute of Ethnic Studies (KITA),
National University of Malaysia,
aishah_nor@ymail.com
- Kartini Aboo Talib @ Khalid,
Institute of Ethnic Studies (KITA),
National University of Malaysia,
tpghkita@ukm.edu.my